

Headline	Pelabur hartanah komersial sekat peluang pembeli muda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	3	ArticleSize	223 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,939	PR Value	RM 5,817



# Pelabur hartanah komersial sekat peluang pembeli muda

MUHAMMAD IZWAN MOHD. ISA

**KUALA LUMPUR** – Pihak kerajaan perlu memandang serius perbuatan pelabur hartanah yang sering membuat pinjaman bagi membeli lebih daripada dua buah rumah bagi tujuan komersial.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Perakaunan Universiti Utara Malaysia (UUM), Rohami Shafie (**gambar kecil**) berkata, mereka sering membeli rumah di kawasan jauh dari bandar dalam jumlah banyak dan menjualnya kembali apabila kawasan itu mula membangun.



“Mereka akan membeli sebahagian besar rumah-rumah yang baru dibina dengan kadar segera, menyebabkan pembeli lain terpaksa membeli daripada mereka pada harga tinggi.

“Perkara ini akan membantutkan proses pembelian rumah oleh golongan muda yang berpendapatan sederhana kerana harga yang ditawarkan tidak masuk akal,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Rohami mencadangkan agar sekatan ke atas



KEBANYAKAN rumah yang baru dibina akan dibeli pihak tertentu dengan banyak sebelum dijual semula pada harga tinggi untuk tujuan komersial. – Gambar hiasan

pinjaman perumahan dilakukan kepada mereka yang sudah memiliki lebih daripada dua buah rumah.

“Kadar pinjaman perlu diturunkan seminum mungkin agar orang lain mampu untuk membeli rumah terus daripada pihak pemaju,” katanya.

Mengulas lanjut, Rohami menambah, kerjasama yang terjalin antara Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) dan syarikat pembina rumah terbesar di Jepun, Sekisui Chemical Co. Ltd. (Sekisui)

baru-baru ini turut dilihat mampu menangani masalah golongan muda yang tidak mampu membeli rumah.

Katanya, projek pembinaan melibatkan teknologi baharu itu merupakan satu mekanisme baharu kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut dan pada masa sama menurunkan harga rumah.

Katanya, jika kerajaan menumpukan perhatian terhadap projek itu, rumah-rumah mampu milik boleh dibangunkan dengan banyak dalam tempoh setahun.